

28 JUN 2002

MCA-Gantung/I

KEMBALIKAN KUASA KEPADA PEMUDA MCA, MINTA AH LEK

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek hari ini meminta penggantungan pemuda MCA oleh Jawatankuasa Pusat Parti (CC) ditarik balik dan ketua-ketua pergerakan itu dikembalikan kuasa mereka.

Beliau berkata, penggantungan sayap itu mesti ditarik balik sebelum Mesyuarat Agung Tahunan Parti (AGM) pada 27 Julai bagi membolehkan sayap itu berfungsi seperti biasa dan untuk mengendalikan program-programnya bagi masyarakat Cina di Malaysia.

Langkah menarik balik penggantungan itu juga penting khususnya bagi pergerakan itu menganjurkan aktiviti-aktiviti di pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Anak Bukit dan Kawasan Parlimen Pandang.

"Saya biarkannya (keputusan untuk menarik balik penggantungan itu) kepada CC dan saya berharap CC akan menarik balik penggantungan itu sebelum 27 Julai," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan AGM Pemuda MCA di Wisma MCA di sini. Sejumlah 1,692 perwakilan menghadiri AGM itu dan angka itu mewakili 64.42 peratus daripada jumlah perwakilan yang layak hadir di mesyuarat itu.

CC Pemuda MCA, termasuk Ketua Pemuda Datuk Ong Tee Keat digantung oleh CC MCA, iaitu badan tertinggi pembuat keputusan dalam parti itu pada 20 Dis selepas tercetus pergaduhan di AGM sayap pemuda pada 3 Ogos lepas.

CC MCA kemudian melantik jawatankuasa khas tiga anggota yang diketuai oleh Wang Choon Wing yang bukanpun anggota CC, untuk menyelia perjalanan aktiviti sayap itu. Anggota-anggota lain jawatankuasa itu ialah Datuk Hon Choon Kim dan Datuk Poh Ah Tiam yang kedua-duanya merupakan anggota CC.

Lim berkata sementara penggantungan itu dikenakan untuk meredakan keadaan di sayap pemuda, ia telahpun melampaui keperluannya.

"Mereka (pemimpin-pemimpin pemuda MCA) adalah pemimpin yang dipilih dan mereka kini mahu duduk dan menoleh ke hadapan dan kita sebagai anggota MCA harus membantu mereka dengan menarik balik penggantungan itu," katanya.

Beliau berkata CC MCA harus membubarkan jawatankuasa khas dan kembalikan kuasa kepada CC baru pemuda supaya rancangan damai MCA yang diusulkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad boleh dicapai.

Lim berkata beliau akan membincangkan hal itu dengan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sebelum mesyuarat CC akan datang yang masih belum ditetapkan.

Sementara itu apabila ditemui oleh pemberita di pembukaan AGM Pemuda, Naib Presiden MCA Datuk Chan Kong Choy berkata beliau akan membentangkan resolusi itu di mesyuarat CC akan datang supaya penggantungan sayap pemuda itu ditarik balik.

"Pemuda perlu dikembalikan kuasa mereka dan kami mahu ini dilakukan secepat mungkin," katanya, menyokong pendapat timbalan presiden itu.

Naib Presiden Datuk Chua Jui Meng berkata pemuda telah memainkan peranan penting dalam sejarah parti selama 53 tahun dan sudah tiba masanya penggantungan itu ditarik balik, selepas ditempatkan di bawah jawatankuasa khas bagi hampir setahun.

"Saya akan menyokong kuasa mereka dikembalikan, itu penting," katanya lagi.

Seorang lagi naib presiden, Datuk Seri Ong Ka Ting apabila diminta mengulas mengenai isu itu berkata jawatankuasa tiga anggota sebenarnya telah membuat keputusan untuk mengembalikan kuasa kepada CC Pemuda.

"Mereka tidak berhasrat untuk biarkan penggantungan itu berterusan untuk lama, sebenarnya mereka mahu kembalikan kuasa secepat mungkin memandangkan AGM pemuda sedang berjalan lancar," katanya.

-- BERNAMA

AT SR PR